

AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan



Laporan Prestasi

Bagi Tempoh 13 Bulan Berakhir 31 Disember 2018



KANDUNGAN

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tempoh 13 Bulan Berakhir 31 Disember 2018	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 19
Butiran Pelaburan	20 - 28
Kenyataan Pihak Pengurus	29
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	30 - 32
Penyata Aset dan Liabiliti	33 - 34
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	35
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	36
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	37 - 40

CEO's Message	41 - 42
Market Review for the 13 Months Period Ended 31 December 2018	43 - 46
Comparative Performance Table	47 - 59
Details of Investments	60 - 68
Statement by Manager	69
Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	70 - 72
Statement of Assets and Liabilities	73 - 74
Statement of Income and Expenditure	75
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	76
Notes to the Financial Information	77 - 80

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Peserta-peserta Yang Dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan anda selama ini terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. Kami sangat menghargai sokongan anda yang telah menjadikan kami salah satu pengendali takaful utama di Malaysia. Kami akan secara berterusan melindungi harapan dan aspirasi jutaan rakyat Malaysia bagi tahun-tahun yang akan datang dan membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih sihat, berpanjangan dan lebih bermakna.

Sebagai rakan perlindungan pilihan anda, kami tekad memberikan nilai kepada anda, melalui pilihan pelaburan berhemat, disokong oleh strategi yang kukuh dan dikaji rapi. Di helaian berikutnya mempunyai maklumat terperinci mengenai prestasi dana kami bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2018.

Ulasan Pasaran

Bagi tempoh tinjauan, Indeks Syariah FBM Emas jatuh sebanyak 11%. Prestasinya lebih rendah daripada Indeks Pasaran Islam Dunia Dow Jones, yang juga menyusut sebanyak 6% dalam denominasi Ringgit Malaysia ("MYR") dalam tempoh yang sama.

Tahun 2018 ternyata mencabar bagi pasaran ekuiti global, terutamanya pada suku terakhir tahun tersebut. Pada awal tahun, pasaran global menyaksikan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh kemantapan makro di ekonomi-ekonomi global utama, dan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang selaras. Walau bagaimanapun, sentimen beralih apabila kebimbangan terhadap kenaikan hasil bon mendorong penentuan semula harga aset-aset berisiko serta pembetulan di dalam pasaran-pasaran ekuiti utama. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketegangan dagangan di antara Amerika Syarikat ("A.S.") dan China. Rizab Persekutuan A.S. ("Fed") juga menaikkan kadar faedahnya sebanyak empat kali sepanjang tahun, menyebabkan peningkatan Dolar A.S. ("USD") berbanding Euro ("EUR"), Great Britain Pound ("GBP") dan kebanyakan mata wang pasaran baru muncul.

Dari segi tempatan, peristiwa paling bersejarah telah berlaku pada bulan Mei 2018, di mana Pakatan Harapan berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan menggantikan Barisan Nasional hasil keputusan mengejut Pilihan Raya Umum ke-14 ("GE14"). Berikutan pembentukan Kerajaan baru, timbul ketidaktentuan dari segi hala tuju dasar dan kedudukan fiskal negara, ini seterusnya telah menimbulkan keraguan di sisi para pelabur. Projek-projek mega seperti MRT2, Projek Laluan Rel Pantai Timur dan Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur ke Singapura serta konsesi tol negara mula dikaji semula.

Seperti pasaran ekuiti, pasaran pendapatan tetap juga mengalami ketidaktentuan ketara di mana para pelabur tertakluk kepada pengetatan dasar monetari di A.S. dan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat. Keadaan ini juga menjejaskan pasaran bon Malaysia, di mana para pelabur asing mula melupuskan pegangan bon Kerajaan mereka, ini jelas daripada kedudukan MYR yang lemah. Pegangan asing dalam bon kerajaan Malaysia, iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII"), menyusut kepada 23.7% pada Disember 2018 (berbanding 28.9% pada Disember 2017).

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran, pasaran bon kerajaan Malaysia kekal berdaya tahan bersandarkan asasi domestik yang kukuh dan kecairan dalam negeri. Harga bon kerajaan Malaysia kembali ke kedudukan asalnya berikutan peningkatan dalam hasil setelah Bank Negara Malaysia ("BNM") mengumumkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") sebanyak 25 mata asas ("bps") pada Januari 2018. Dari segi politik, pembentukan Kerajaan baru pada bulan Mei 2018 menimbulkan ketidaktentuan terhadap dasar Kerajaan namun ketidaktentuan pasaran dikurangkan ekoran peningkatan dalam keluk bon kerajaan apabila para pelabur menghindari risiko kadar faedah daripada bon jangka panjang. Walaupun sasaran defisit fiskal lebih meluas dan penyatuan fiskal yang lebih

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

perlahan, ketiga-tiga agensi penarafan mengekalkan penarafan kedaulatan Malaysia pada A-/A3 dengan prospek yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, serta peningkatan ketelusan dan pengurusan hutang awam. Secara keseluruhan, hasil 10 Tahun GII kerajaan Malaysia menyusut sebanyak 4bps dalam tempoh yang ditinjau.

Tinjauan

Melangkah ke 2019, ketidakpastian ekonomi akan besar kemungkinan berlanjutan memandangkan ekonomi A.S. dan global memasuki peringkat terakhir perkembangan ekonominya serta pasaran sedunia membuat penyesuaian terhadap kadar faedah yang lebih tinggi dan ungkaiannya lebaran imbangan bank-bank pusat global. Ketegangan dagang di antara A.S. - China akan kekal membawa cabaran. Dari segi domestik, tumpuan akan diberikan, di antara lain terhadap pendapatan korporat, pertumbuhan ekonomi tempatan, dan dasar pembaharuan Kerajaan dan pengurusan fiskal.

Kami menjangkakan pasaran ekuiti tempatan memberikan pulangan sedigit bagi tahun 2019, didorong oleh pertumbuhan pendapatan positif dan hala tuju dasar Kerajaan yang lebih jelas. Kami akan terus mengkaji rami pasaran yang sentiasa berubah dan akan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya. Risiko utama termasuk harga minyak yang sentiasa berubah, perang dagang A.S. - China yang berlanjutan dan implikasinya terhadap pertumbuhan ekonomi global, dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Bagi pasaran pendapatan tetap, Fed menuju ke arah akhir kitaran pengetatan dasar monetari manakala Bank Pusat Eropah ("ECB") dan Bank of Japan ("BoJ") kemungkinan besar akan kekal akomodatif terhadap pertumbuhan yang malap dan inflasi sederhana, di mana ke semuanya akan memberi kelegaan kepada bon pasaran baru muncul. Walaupun ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada 2019, BNM menegaskan bahawa risiko pertumbuhan lebih menunjukkan penurunan, sejajar dengan pertumbuhan global yang sederhana. Oleh itu kami tidak menolak kemungkinan penurunan kadar pada tahun 2019 dengan ketiadaan tekanan inflasi permintaan.

Harga minyak yang tidak menentu dan sebarang kelemahan dalam MYR akan terus membebankan pasaran bon Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan global yang sederhana dan persekitaran inflasi yang terkandung akan menyokong pasaran bon tempatan. Risiko Sukuk kerajaan tempatan masih boleh diurus walaupun mempunyai defisit fiskal yang lebih tinggi pada tahun 2019, melalui kecairan dalam negeri dan penempatan swasta yang kukuh.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan saya yang ikhlas dan mengucapkan terima kasih kepada semua peserta. Melangkah ke hadapan, pasukan pelaburan profesional kami yang berkecayaan tinggi akan terus berpandukan falsafah pelaburan berhemat AIA PUBLIC Takaful, rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan tadbir urus korporat yang mantap.

Salam sejahtera dan semoga berjaya dalam tahun 2019.

Yang benar,



Elmie Aman Najas
Ketua Pegawai Eksekutif
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH 13 BULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Ulasan Pasaran

Bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2018, Indeks FBMS menyusut sebanyak 11%. Tahun 2018 ternyata mencabar bagi pasaran ekuiti global, terutamanya pada suku akhir. Pasaran global menyaksikan permulaan yang kukuh untuk tahun ini, disokong oleh peningkatan di dalam perangkaan ekonomi di ekonomi global utama dan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang selaras. Di A.S., pendapatan korporat yang teguh, perangkaan ekonomi yang kukuh dan keyakinan yang menggalakkan daripada pembaharuan cukai dalam negara telah meningkatkan Indeks Dow Jones Industrial ke tahap baru yang lebih tinggi. Zon Eropah juga bermula dengan baik bersandarkan latar belakang ekonomi yang teguh, walaupun ketegangan politik seperti pilihan raya Itali, isu Brexit dan isu-isu dasar migrasi Jerman ada kalanya menjejaskan keyakinan para pelabur.

Walau bagaimanapun, sentimen mula beralih berikutan kebimbangan terhadap kenaikan kadar hasil bon mendorong penetapan semula dalam aset berisiko dan pembetulan dalam pasaran ekuiti utama. Ini dikompaunkan lagi oleh ketegangan perdagangan di antara A.S. dan China, yang akhirnya menyaksikan A.S. mengenakan tarif ke atas impot China bernilai USD250 bilion. China telah menetapkan tarif bernilai USD110 bilion bagi barangan A.S.. Selain itu, A.S. juga bertembung dengan negara-negara sekutu Eropah dan menegaskan untuk menguraikan urusan niaga dagangan sedia ada dan mengenakan tarif baru. Fed telah menaikkan kadar faedah empat kali sepanjang tahun, menyebabkan peningkatan di dalam dolar USD berbanding Euro, GBP dan kebanyakan mata wang pasaran baru muncul.

Dari segi tempatan, peristiwa paling bersejarah telah berlaku pada bulan Mei 2018, di mana Pakatan Harapan berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan menggantikan Barisan Nasional hasil keputusan mengejut Pilihan Raya Umum ke-14 ("GE14"). Berikutan pembentukan Kerajaan baru, timbul ketidaktentuan dari segi hala tuju dasar dan kedudukan fiskal negara, ini seterusnya telah menimbulkan keraguan di sisi para pelabur. Indeks FBMS jatuh hampir 7.5% pada bulan Mei, dengan sebahagian besar penyusunan ini berlaku selepas GE14. Sektor pembinaan merupakan salah satu daripada sektor yang mencatatkan prestasi terburuk sepanjang tahun, dengan Indeks Pembinaan Bursa Malaysia menyusut sebanyak 50% pada tahun 2018 berikutan berita pembatalan dan penangguhan projek-projek seperti Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur ke Singapura dan Projek Laluan Rel Pantai Timur secara pantas mengubah prospek syarikat pembinaan. Memandangkan kehindaran risiko para pelabur berikutan ketidakpastian dasar-dasar baru ini, para pelabur lebih cenderung ke sektor yang lebih selamat seperti Pengguna. Ini membawa kepada kenaikan 1.6% dalam Indeks Produk Pengguna Bursa Malaysia pada tahun 2018. Pasaran ekuiti menyaksikan aliran keluar bersih asing berjumlah MYR11.9 bilion pada tahun 2018, membalikkan aliran masuk bersih sebanyak MYR10.6 bilion pada tahun 2017.

Tinjauan

Melangkah ke 2019, ketidaktentuan ekonomi berkemungkinan besar akan berlanjutan memandangkan ekonomi A.S. dan global memasuki peringkat terakhir perkembangan ekonominya serta pasaran sedunia membuat penyesuaian terhadap kadar faedah yang lebih tinggi dan ungkaiannya lembaran imbalan bank-bank pusat global. Ketegangan dagang di antara A.S. - China akan kekal membawa cabaran. Dari segi domestik, tumpuan akan diberikan, di antara lain terhadap pendapatan korporat, pertumbuhan ekonomi tempatan, dan dasar pembaharuan Kerajaan dan pengurusan fiskal.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH 13 BULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Tinjauan (samb.)

Kami menjangkakan pasaran tempatan memberikan pulangan sedigit bagi tahun 2019, didorong oleh pertumbuhan pendapatan positif dan hala tuju dasar Kerajaan yang lebih jelas. Pertumbuhan pendapatan dijangka didorong oleh sektor-sektor seperti Penjagaan Kesihatan, Perkilangan dan Kewangan. Kami akan terus mengkaji rapi pasaran yang sentiasa berubah dan akan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya. Risiko utama termasuk harga minyak yang sentiasa berubah, perang dagang A.S. - China yang berlanjutan dan implikasinya terhadap pertumbuhan ekonomi global, dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Peluang

- Pelaksanaan semula projek infrastruktur yang terhenti dan dibatalkan.
- Meningkatkan penggunaan swasta daripada insentif di bawah Bajet Malaysia 2019.
- Harga minyak dijangka berada di antara USD60-70/tong disokong oleh penurunan di dalam pengeluaran oleh Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum ("OPEC") dan bukan ahli OPEC.
- Pemberhentian sejenak di dalam kitaran kenaikan kadar di A.S. dan kenaikan USD dapat menarik kembali aliran dana ke pasaran baru muncul seperti Malaysia dan dalam prosesnya, mengukuhkan MYR.
- Pelaksanaan dasar Kerajaan yang lancar.

Kebimbangan

- Penurunan dalam pendapatan tempatan.
- Harga minyak jatuh di bawah USD50/tong untuk tempoh yang berpanjangan.
- Kegagalan dasar-dasar baru.
- Pengetatan monetari dilaksanakan lebih cepat daripada jangkaan.
- Peningkatan dalam ketegangan perang dagangan A.S. - China.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH 13 BULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Ulasan Pasaran

Bagi tempoh yang ditinjau, sentimen “kurang risiko” global yang umum mencetuskan ketidaktentuan terhadap pasaran baru muncul manakala pasaran global menghadapi pengetatan dasar monetari di A.S. dan peningkatan ketegangan perdagangan. Pasaran bon Malaysia tidak terkecuali, kerana para pelabur asing merupakan golongan utama yang melupuskan Sukuk kerajaan Malaysia manakala ringgit Malaysia (“MYR”) semakin lemah ekoran harga minyak mentah yang rendah. Pegangan asing dalam bon kerajaan Malaysia, Sekuriti Kerajaan Malaysia (“MGS”) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (“GII”) telah menyusut kepada 23.7% pada Disember 2018 (Disember 2017: 28.9%).

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran, pasaran bon kerajaan Malaysia kekal berdaya tahan bersandarkan asasi domestik yang kukuh dan kecairan dalam negeri. Harga bon kerajaan Malaysia kembali ke kedudukan asalnya berikutan peningkatan dalam hasil setelah Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengumumkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) sebanyak 25 bps pada Januari 2018. Dari segi politik, pembentukan Kerajaan baru pada bulan Mei 2018 menimbulkan ketidaktentuan terhadap dasar Kerajaan namun ketidaktentuan pasaran masih terkawal ekoran peningkatan dalam keluk bon kerajaan apabila para pelabur menghindari risiko kadar faedah daripada bon jangka panjang. Walaupun sasaran defisit fiskal lebih meluas dan penyatuan fiskal yang lebih perlahan, ketiga-tiga agensi penarafan mengekalkan penarafan kedaulatan Malaysia pada A-/A3 dengan prospek yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, serta peningkatan ketelusan dan pengurusan hutang awam. Secara keseluruhan, hasil 10 Tahun GII kerajaan Malaysia menyusut sebanyak 4bps dalam tempoh yang ditinjau.

Tinjauan

Memandangkan Rizab Persekutuan A.S. (“Fed”) menuju ke arah akhir kitaran pengetatan dasar monetari manakala Bank Pusat Eropah (“ECB”) dan Bank of Japan (“BoJ”) kemungkinan besar akan kekal akomodatif terhadap pertumbuhan yang malap dan inflasi sederhana, di mana ke semuanya akan memberi kelegaan kepada bon pasaran baru muncul. Secara tempatan, BNM mengekalkan OPR pada 3.25% semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (“MPC”) terakhir pada Januari 2019. Walaupun ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada 2019, BNM menegaskan bahawa risiko pertumbuhan lebih menunjukkan penurunan, sejajar dengan pertumbuhan global yang sederhana. Oleh itu kami tidak menolak kemungkinan penurunan kadar pada tahun 2019 dengan ketiadaan tekanan inflasi tarikan permintaan.

Harga minyak yang tidak menentu dan kekukuhan MYR akan terus membebankan pasaran Sukuk Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan global yang sederhana dan persekitaran inflasi akan menyokong pasaran Sukuk tempatan. Risiko Sukuk kerajaan tempatan masih boleh diurus walaupun mempunyai defisit fiskal yang lebih tinggi pada tahun 2019, melalui kecairan dalam negeri dan penempatan swasta yang kukuh.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH 13 BULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Peluang

- Pertumbuhan global yang malap dan inflasi sederhana menunjukkan kitaran pengetatan dasar monetari global adalah pada kitaran terakhir. Ini mungkin mengurangkan selera risiko para pelabur yang mungkin lebih cenderung terhadap aset selamat seperti Sukuk.
- Di pasaran tempatan, pasaran bon boleh meraih faedah sekiranya BNM melegakan dasar monetari dengan satu penurunan kadar pada 2019 memandangkan inflasi teras dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") adalah malap.
- Peningkatan ketegangan perdagangan di antara ekonomi-ekonomi utama mungkin pertanda baik bagi aset selamat.

Kebimbangan


- Fed mengguna-pakai pendekatan pengetatan kadar faedah yang lebih agresif daripada jangkaan, menyebabkan perbezaan hasil yang lebih tirus di antara Perbendaharaan A.S. ("UST") dan Sukuk kerajaan Malaysia. Ini boleh mengurangkan daya tarikan Sukuk kerajaan tempatan kepada para pelabur asing.
- Harga minyak yang rendah secara berterusan boleh mencetuskan semakan semula penarafan kedaulatan Malaysia oleh agensi penarafan antarabangsa disebabkan kedudukan fiskal yang lemah.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. A-DANA INCOME

Bagi tempoh 13 bulan berakhir 31 Disember 2018, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 6.42% berbanding penanda aras 3.92%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 42.60% berbanding penanda aras 30.39%.

Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	13 Bulan**	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 18 - Dis 18	Dis 17 - Dis 18	Nov 17 - Dis 18	Dis 15 - Dis 18	Dis 13 - Dis 18	Mac 11 - Dis 18
A-Dana Income	0.71%	5.94%	6.42%	15.93%	23.57%	42.60%
Indeks*	0.31%	3.63%	3.92%	11.26%	19.19%	30.39%
Lebih prestasi	0.40%	2.31%	2.50%	4.67%	4.38%	12.21%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

** Tahun kewangan berakhir AIA PUBLIC Takaful Bhd. telah diubah dari 30 November ke 31 Disember.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Prestasi positif Dana disumbangkan oleh pulangan daripada pendapatan keuntungan tinggi serta kemampuan lebaran kredit.
- Pemilihan sekuriti kredit berwaspada Dana telah membantu untuk mengelakkan tindakan penurunan penarafan kredit.

Negatif

- Pegangan kecil Dana dalam Sukuk kerajaan telah sedikit sebanyak menjejaskan prestasi disebabkan oleh pengurangan hasil secara am di dalam tempoh yang ditinjau.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Walaupun perdagangan luar dijangka malap akibat kesan ketegangan perdagangan yang berlanjutan dan pertumbuhan global yang perlahan, penggunaan domestik kekal sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan KDNK tempatan bagi tahun 2019. Walaupun penggunaan persendirian telah memuncak pada tahun 2018 namun kelembapan penggunaan yang ketara dari tahun sebelumnya meningkatkan risiko pertumbuhan dan peluang penurunan kadar pada 2019. Meskipun terdapat sebarang perkembangan politik atau geopolitik yang negatif, ini akan tetap mendorong pasaran bon tempatan. Oleh sebab yang demikian, kami bermatlamat meningkatkan wajaran bagi kedudukan jangka masa portfolio. Dengan syarat kredit yang stabil, peruntukan aset kami akan terus memihak kepada Sukuk korporat berbanding Sukuk kerajaan bagi meningkatkan hasil.

Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2018



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Tunai dan Setara Tunai	3%	5%	5%	17%	3%
Pembinaan	18%	21%	5%	16%	20%
Elektrik, Gas & Air	17%	15%	21%	11%	22%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	13%	23%	40%	41%	35%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	13%	5%	11%	5%	4%
Perkilangan	13%	-	-	-	-
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	23%	31%	18%	10%	16%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Jumlah NAV (RM)	40,682,515	32,431,004	25,288,703	20,032,402	14,639,380
Bilangan Unit	57,002,727	48,368,712	39,626,245	32,668,233	24,566,372
NAV/Unit (RM)	0.714	0.670	0.638	0.613	0.595
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.714	0.671	0.691	0.613	0.595
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.673	0.638	0.612	0.594	0.576
Cukai (%)	8	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY

Bagi tempoh 13 bulan berakhir 31 Disember 2018, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -15.38% berbanding dengan penanda aras -10.24%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 27.60% berbanding penanda aras 16.22%.

Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	13 Bulan**	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 18 - Dis 18	Dis 17 - Dis 18	Nov 17 - Dis 18	Dis 15 - Dis 18	Dis 13 - Dis 18	Mac 11 - Dis 18
A-Dana Equity	-1.09%	-16.82%	-15.38%	-11.51%	-5.62%	27.60%
Indeks*	-1.04%	-12.70%	-10.24%	-9.14%	-10.46%	16.22%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.05%	-4.12%	-5.14%	-2.37%	4.84%	11.38%

* 95% FBM Emas Shariah (Sumber: Bursa Malaysia) + 5% 1 Bulan KLIBOR (Sumber: Bank Negara Malaysia)
 Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

** Tahun kewangan berakhir AIA PUBLIC Takaful Bhd. telah diubah dari 30 November ke 31 Disember.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berjawaran tinggi dalam sektor Perbankan Islam.
- Dana berjawaran tinggi dalam sektor Minyak dan Gas.
- Pemilihan stok di dalam sektor Perkilangan, Minyak dan Gas dan Tenaga.

Negatif

- Dana berjawaran tinggi dalam sektor Pembinaan.
- Dana berjawaran rendah dalam sektor Pengguna.
- Pemilihan stok di dalam sektor Pengguna, Konglomerat dan Semikonduktor/IT.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami menjangkakan pasaran tempatan dapat memberikan pulangan sedikit pada pertengahan tahun ini, namun kami menjangkakan ketidaktentuan akan berterusan. Dari segi kedudukan portfolio, tumpuan akan diberikan kepada syarikat-syarikat modal sederhana hingga besar dengan prinsip asas yang teguh dan pertumbuhan pendapatan yang jelas pada penilaian yang munasabah bagi menghadapi ketidaktentuan pasaran semasa. Kami juga meninjau syarikat-syarikat yang mempunyai nilai yang tinggi yang dijual di bawah nilainya pada tahun lepas dan berpotensi untuk pulih pada tahun 2019. Dengan kadar faedah global yang memuncak, saham berdividen tinggi mungkin mengatasi prestasi pasaran. Dari segi sektor, pembinaan mungkin kembali pulih sekiranya Kerajaan membuat keputusan mengaktifkan semula projek-projek infrastruktur yang terhenti dan terbatal menerusi pelaburan. Sekiranya harga minyak kekal mampan melebihi USD60/tong, ini akan menggalakkan perbelanjaan modal lebih tinggi oleh syarikat-syarikat utama minyak dan memihak sektor minyak dan gas terutamanya Pengendali Penyimpanan, Pengeluaran Terapung dan Pemunggaan (FPSO) sementara pelaksanaan Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) pada akhir tahun mungkin menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek tersebut. Sektor-sektor yang dilebih nilai dan terjejas secara ketara akibat pengukuhan MYR mungkin berprestasi rendah.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Equity pada 31 Disember 2018



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Tunai dan Setara Tunai	17%	8%	16%	8%	8%
Pembinaan	4%	13%	13%	11%	7%
Produk Pengguna	6%	2%	-	1%	2%
Kewangan	3%	3%	3%	4%	2%
Penjagaan Kesihatan	3%	-	-	-	-
Produk Perindustrian	15%	12%	9%	6%	8%
Syarikat Projek Infrastruktur	5%	2%	4%	5%	7%
Perladangan	11%	9%	10%	8%	10%
Hartanah	2%	6%	5%	6%	9%
Teknologi	2%	5%	2%	4%	3%
Perdagangan/ Perkhidmatan	32%	40%	38%	47%	44%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Jumlah NAV (RM)	195,648,391	131,382,487	66,184,515	38,428,303	25,610,101
Bilangan Unit	306,253,512	174,194,551	96,068,866	53,999,001	36,012,099
NAV/Unit (RM)	0.638	0.754	0.688	0.712	0.711
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.794	0.775	0.721	0.762	0.730
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.622	0.690	0.631	0.637	0.651
Cukai (%)	8	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY

Bagi tempoh 13 bulan berakhir 31 Disember 2018, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -11.27% berbanding dengan penanda aras -10.96%. Sejak pelancarannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 2.40% berbanding penanda aras 5.06%.

Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	13 Bulan**	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 18 - Dis 18	Dis 17 - Dis 18	Nov 17 - Dis 18	Dis 15 - Dis 18	Dis 13 - Dis 18	Feb 13 - Dis 18
A-DALI Equity	-1.16%	-13.80%	-11.27%	-10.96%	-10.02%	2.40%
Indeks*	-1.11%	-13.52%	-10.96%	-10.13%	-11.85%	5.06%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.05%	-0.28%	-0.31%	-0.83%	1.83%	-2.66%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

** Tahun kewangan berakhir AIA PUBLIC Takaful Bhd. telah diubah dari 30 November ke 31 Disember.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana dasar telah meningkatkan pegangan tunai bagi membendung kesan ketidakpastian pasaran.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor Kewangan.
- Pemilihan stok di dalam sektor Pembinaan, Minyak dan Gas.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor Industri.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Utiliti dan Minyak & Gas.
- Pemilihan stok di dalam sektor Pengangkutan dan Pengilangan.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Pengurus Dana terus mengamalkan pendirian berwaspada di pasaran domestik bagi tahun 2019 memandangkan pertumbuhan KDNK yang sederhana, pertumbuhan pendapatan korporat yang malap dan ketidakpastian kawal selia. Pengurus Dana menjangkakan perang perdagangan damai sementara di antara A.S. dan China berikutan mesyuarat G20 sebagai penyelesaian jangka pendek bagi mencari penyelesaian jangka panjang bagi kedua-dua negara. Risiko kemungkinan akan lanjutnya ketegangan ini tidak dapat diketepikan dan akan memburukkan lagi risiko pertumbuhan sederhana ekonomi global di samping pengetatan keadaan kewangan. Bersandarkan situasi ini, Dana akan terus mengekalkan strategi pelaburan pemeliharaan modal dengan keutamaan diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat yang mempunyai prinsip asas yang teguh dan aliran tunai yang kukuh serta dividen di dalam sektor-sektor seperti Utiliti & Tenaga Boleh Diperbaharui, REIT, Asasi Pengguna dan Industri. Pengurus Dana berpendapat bahawa, dengan pengimbangan semula dan penstrukturan semula portfolio pada tahun 2018, portfolio kini lebih berdaya tahan untuk menghadapi sebarang kejutan pasaran.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Pengurus dana akan meneruskan usaha mencari pertumbuhan modal yang konsisten bagi tempoh sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah.

Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2018



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Tunai dan Setara Tunai	6%	2%	4%	3%	7%
Dana Mutual	94%	98%	96%	97%	93%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Jumlah NAV (RM)	9,311,552	9,030,464	7,014,279	5,002,249	1,650,694
Bilangan Unit	18,154,456	15,648,812	12,931,255	8,908,536	2,919,861
NAV/Unit (RM)	0.513	0.577	0.542	0.562	0.565
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.609	0.595	0.585	0.584	0.584
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.501	0.541	0.538	0.518	0.544
Cukai (%)	8	8	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED

Bagi tempoh 13 bulan berakhir 31 Disember 2018, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -9.45% berbanding dengan penanda aras -6.31%. Sejak pelancarannya pada Ogos 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 18.06% berbanding penanda aras 19.62%.

Prestasi Sejarah



Penanda Aras	1 Bulan	1 Tahun	13 Bulan**	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 18 - Dis 18	Dis 17 - Dis 18	Nov 17 - Dis 18	Dis 15 - Dis 18	Dis 13 - Dis 18	Ogos 11 - Dis 18
A-Dana Balanced	-0.35%	-10.80%	-9.45%	-5.57%	0.08%	18.06%
Indeks*	-0.61%	-8.35%	-6.31%	-3.33%	-0.03%	19.62%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.26%	-2.45%	-3.14%	-2.24%	0.11%	-1.56%

* 70% FBM Emas Shariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Terbitan Semua Pelaburan Kerajaan Malaysia (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa depan. Prestasi dana juga tidak terjamin.

** Tahun kewangan berakhir AIA PUBLIC Takaful Bhd. telah diubah dari 30 November ke 31 Disember.

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor Perbankan Islam.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor Minyak & Gas.
- Pemilihan stok di dalam sektor Pengilangan dan Minyak & Gas.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor Pembinaan.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor Pengguna.
- Pemilihan stok di dalam sektor Pengguna, Semikonduktor/IT dan Konglomerat.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami menjangkakan pasaran tempatan dapat memberikan pulangan sedikit pada pertengahan tahun ini, namun kami menjangkakan ketidakpastian akan berterusan. Dari segi kedudukan portfolio, tumpuan akan diberikan kepada syarikat-syarikat modal sederhana hingga besar dengan prinsip asas yang teguh dan pertumbuhan pendapatan yang jelas pada penilaian yang munasabah bagi menghadapi ketidakpastian pasaran semasa. Kami juga meninjau syarikat-syarikat yang mempunyai nilai yang tinggi yang dijual di bawah nilainya pada tahun lepas dan berpotensi pulih pada tahun 2019. Dengan kadar faedah global yang memuncak, saham berdividen tinggi mungkin mengatasi prestasi pasaran. Dari segi sektor, pembinaan mungkin kembali pulih sekiranya Kerajaan membuat keputusan mengaktifkan semula projek-projek infrastruktur yang terhenti dan terbatal menerusi pelaburan. Sekiranya harga minyak kekal mampan melebihi USD60/tong, ini akan menggalakkan perbelanjaan modal lebih tinggi oleh syarikat-syarikat utama minyak dan memihak sektor minyak dan gas terutamanya Pengendali Penyimpanan, Pengeluaran Terapung dan Pemunggahan (FPSO) sementara pelaksanaan Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) pada akhir tahun mungkin menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek tersebut. Sektor-sektor yang dilebih nilai dan terjejas secara ketara akibat pengukuhan MYR mungkin berprestasi rendah.

Bagi pendapatan tetap, matlamat kami adalah untuk meningkatkan wajaran bagi kedudukan jangka masa portfolio. Dengan syarat kredit yang stabil, peruntukan aset kami akan terus memihak kepada Sukuk korporat berbanding Sukuk kerajaan bagi meningkatkan hasil.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam Sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pendedahan Aset A-Dana Balanced pada 31 Disember 2018



Pembahagian Sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Tunai dan Setara Tunai	7%	7%	4%	9%	4%
Pembinaan	2%	9%	10%	8%	5%
Produk Pengguna	4%	2%	1%	1%	2%
Kewangan	2%	2%	2%	3%	2%
Pendapatan Tetap	38%	26%	30%	24%	29%
Penjagaan Kesihatan	2%	-	-	-	-
Produk Industri	10%	9%	7%	5%	6%
Syarikat Projek Infrastruktur	3%	1%	3%	3%	5%
Perladangan	7%	7%	8%	5%	7%
Hartanah	1%	4%	4%	5%	7%
Teknologi	2%	4%	2%	3%	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	22%	29%	29%	34%	31%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016	30 Nov 2015	30 Nov 2014
Jumlah NAV (RM)	30,897,347	19,731,290	9,956,415	8,186,104	6,415,884
Bilangan Unit	26,170,833	15,133,546	8,226,093	6,591,350	5,239,800
NAV/Unit (RM)	1.181	1.304	1.210	1.242	1.224
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.358	1.329	1.251	1.290	1.247
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.157	1.212	1.199	1.141	1.154
Cukai (%)	8	8	8	8	8

BUTIRAN PELABURAN

01. A-DANA INCOME

ISU PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
4,000,000	ISU PELABURAN KERAJAAN	4,033,185	4,029,550	9.90%
4,000,000		4,033,185	4,029,550	

SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAA _s	528,450	532,810	1.31%
3,400,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	3,449,870	3,470,711	8.53%
1,000,000	CAHYA MATA SARAWAK BHD	AA3	1,000,000	1,006,040	2.47%
5,000,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+ _{is}	5,039,000	5,149,900	12.66%
2,000,000	WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD	AAABG	2,072,300	2,070,835	5.09%
300,000	EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY SDN BHD	AAA _{bg}	303,720	315,036	0.77%
2,000,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA- _{is}	2,035,300	2,138,140	5.26%
300,000	KAPAR ENERGY VENTURES SDN BHD	AA+ _{is}	297,180	302,775	0.74%
500,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA- _{is}	511,850	506,520	1.25%
600,000	KONSORTIUM PROHAWK SDN BHD	AA2	599,400	621,456	1.53%
1,200,000	MALAKOFF POWER BHD	AA- _{is}	1,349,640	1,336,368	3.28%
1,200,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA- _{is}	1,230,265	1,248,780	3.07%
1,000,000	PUTRAJAYA BINA SDN BHD	AAA _{is}	1,000,000	1,004,350	2.47%
200,000	RHB ISLAMIC BANK BHD	AA3	200,000	200,632	0.49%
600,000	SAMALAJU INDUSTRIAL PORT SDN BHD	AA1 _s	600,000	614,454	1.51%
2,050,000	SARAWAK ENERGY BHD	AA1	2,079,470	2,080,361	5.11%
1,400,000	SIME DARBY BHD	AA _{is}	1,461,520	1,462,622	3.60%
2,500,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA- _{is}	2,500,000	2,611,900	6.42%
1,000,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUER BHD	AA3	1,073,060	1,071,750	2.63%
1,000,000	ABU DHABI NATIONAL ENERGY CO PJSC	NA	1,001,800	1,000,430	2.46%
500,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	526,350	535,135	1.32%
28,250,000			28,859,175	29,281,005	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**01. A-DANA INCOME (SAMB.)****EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT***

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,100,000	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BHD	AA2	1,147,230	1,150,556	2.83%
5,000,000	UMW HOLDINGS BHD	A1	5,000,000	5,169,900	12.71%
6,100,000			6,147,230	6,320,456	

* *Malaysia Airports Holdings Bhd ("MAHB") dan UMW Holdings Bhd yang dikelaskan di bawah ekuiti diluluskan Syariah tidak tercatat merujuk kepada Sukuk Subordinat Kekal MAHB dan UMW bagi Dana A-Dana Income dan Dana A-Dana Balanced.*

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. A-DANA EQUITY****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PEMBINAAN				
2,547,200	EKOVEST BHD	2,361,804	1,133,504	0.58%
893,300	GAMUDA BHD	4,304,983	2,090,322	1.07%
1,332,600	IJM CORP BHD	4,231,449	2,158,812	1.10%
598,600	MUHIBBAH ENGINEERING M BHD	1,586,001	1,670,094	0.85%
BARANGAN PENGGUNA				
301,600	PPB GROUP BHD	4,825,976	5,302,128	2.71%
11,400	NESTLE MALAYSIA BHD	1,666,860	1,680,360	0.86%
5,300	FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD	173,391	177,550	0.09%
2,715,200	CCK CONSOLIDATED HOLDINGS BHD	2,448,053	1,072,504	0.55%
KEWANGAN				
885,340	BIMB HOLDINGS BHD	3,678,142	3,151,810	1.61%
500,800	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BHD	1,743,732	1,903,040	0.97%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
630,900	ANN JOO RESOURCES BHD	2,284,115	788,625	0.40%
330,000	HARTALEGA HOLDINGS BHD	2,089,262	2,026,200	1.04%
158,900	CHIN WELL HOLDINGS BHD	268,827	257,418	0.13%
623,800	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES	2,386,250	2,707,292	1.38%
271,700	LOTTE CHEMICAL TITAN HOLDING BHD	1,662,041	1,255,254	0.64%
1,261,500	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	10,130,755	11,719,335	5.99%
312,600	PETRONAS GAS BHD	5,998,403	6,001,920	3.07%
991,400	TOP GLOVE CORP BHD	4,632,548	5,551,840	2.84%
664,825	VS INDUSTRY BHD	1,099,262	485,322	0.25%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
230,100	TIME DOTCOM BHD	1,812,057	1,863,810	0.95%
PERLADANGAN				
346,600	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	414,606	259,950	0.13%
347,400	GENTING PLANTATIONS BHD	3,646,564	3,425,364	1.75%
1,297,800	IOI CORP BHD	5,941,536	5,775,210	2.95%
215,200	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	5,251,787	5,319,744	2.72%
1,552,858	SIME DARBY PLANTATION BHD	8,033,932	7,391,604	3.78%
68,100	QL RESOURCES BHD	428,864	463,761	0.24%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
HARTANAH				
140,200	CRESCENDO CORP BHD	352,916	168,240	0.09%
596,897	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	1,086,746	1,122,166	0.57%
817,000	MCT BHD	945,707	608,665	0.31%
1,477,258	SIME DARBY PROPERTY BHD	1,897,530	1,469,872	0.75%
77,100	TITIJAYA LAND BHD	25,888	23,130	0.01%
196,100	SP SETIA BHD GROUP	468,429	456,913	0.23%
TEKNOLOGI				
91,500	KESM INDUSTRIES BHD	944,722	701,805	0.36%
74,700	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	1,021,008	743,265	0.38%
1,211,100	INARI AMERTRON BHD	2,679,962	1,816,650	0.93%
215,400	VITROX CORP BHD	587,631	1,354,866	0.69%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
2,137,482	AXIATA GROUP BHD	10,305,427	8,400,304	4.29%
118,100	PETRONAS DAGANGAN BHD	3,256,691	3,129,650	1.60%
443,300	BERMAZ AUTO BHD	965,608	953,095	0.49%
1,265,800	CJ CENTURY LOGISTICS HOLDINGS BHD	1,306,724	493,662	0.25%
2,201,630	DIALOG GROUP BHD	4,886,848	6,847,069	3.50%
1,727,400	DIGI.COM BHD	8,018,425	7,773,300	3.97%
1,226,000	MALAKOFF CORP BHD	1,635,097	980,800	0.50%
1,068,500	MAXIS BHD	6,247,805	5,716,476	2.92%
264,700	MBM RESOURCES BHD	737,299	582,340	0.30%
439,300	MISC BHD	3,110,156	2,943,310	1.50%
1,845,201	MMC CORP BHD	4,027,065	1,531,517	0.78%
2,453,900	KPJ HEALTHCARE BHD	2,508,564	2,552,056	1.30%
314,300	POS MALAYSIA BHD	1,247,834	540,596	0.28%
729,000	IHH HEALTHCARE BHD	3,997,793	3,929,310	2.01%
602,100	WESTPORTS HOLDINGS BHD	2,232,589	2,179,602	1.11%
125,600	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	378,992	474,768	0.24%
1,562,358	SIME DARBY BHD	3,775,718	3,749,659	1.92%
1,591,254	SUNWAY BHD	2,370,189	2,339,143	1.20%
1,398,834	TALIWORKS CORP BHD	1,213,314	1,105,079	0.56%
503,672	TELEKOM MALAYSIA BHD	3,093,521	1,339,768	0.68%
1,330,800	TENAGA NASIONAL BHD	18,587,678	18,098,880	9.25%
581,100	UEM EDGENTA BHD	1,718,611	1,580,592	0.81%
62,900	UZMA BHD	98,871	36,168	0.02%
47,985,509		178,832,558	161,375,489	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

WARAN, HAK LANGGANAN BOLEH DIPINDAH MILIK

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
54,018	GAMUDA BHD	13,505	8,103	0.00%
22,647	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	3,057	0.00%
97,645	SUNWAY BHD	-	23,435	0.01%
157,600	CCK CONSOLIDATED HOLDINGS BHD	-	13,396	0.01%
331,910		13,505	47,991	

03. A-DALI EQUITY

PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
8,383,105	CIMB ISLAMIC DALI EQUITY GROWTH FUND	11,142,942	8,778,787	94.28%
8,383,105		11,142,942	8,778,787	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED****TERBITAN PELABURAN KERAJAAN**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
5,250,000	ISU PELABURAN KERAJAAN	5,315,805	5,325,544	17.24%
5,250,000		5,315,805	5,325,544	

SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAAs	528,450	532,810	1.72%
800,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	813,130	818,113	2.65%
500,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+is	503,900	514,990	1.67%
100,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA-is	107,060	107,387	0.35%
300,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA-is	309,870	306,340	0.99%
300,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-is	309,330	312,195	1.01%
200,000	SIME DARBY BHD	AAis	210,580	208,946	0.68%
500,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA-is	500,000	524,950	1.70%
900,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUER BHD	AA3	950,650	949,735	3.07%
1,000,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	1,007,520	1,033,130	3.34%
1,000,000	SARAWAK ENERGY BHD	AA1	1,022,000	1,012,620	3.28%
6,100,000			6,262,490	6,321,216	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
BARANGAN PENGGUNA				
30,980	PPB GROUP BHD	493,972	544,628	1.76%
600	FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD	19,645	20,100	0.07%
302,300	CCK CONSOLIDATED HOLDINGS BHD	270,251	119,409	0.39%
1,200	NESTLE MALAYSIA BHD	175,512	176,880	0.57%
PEMBINAAN				
258,700	EKOVEST BHD	230,615	115,122	0.37%
92,400	GAMUDA BHD	444,450	216,216	0.70%
162,300	IJM CORP BHD	519,202	262,926	0.85%
57,300	MUHIBBAH ENGINEERING M BHD	152,032	159,867	0.52%
KEWANGAN				
95,560	BIMB HOLDINGS BHD	403,142	340,194	1.10%
50,800	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BHD	196,209	193,040	0.62%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
26,600	TIME DOTCOM BHD	207,247	215,460	0.70%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
52,300	ANN JOO RESOURCES BHD	190,401	65,375	0.21%
36,400	HARTALEGA HOLDINGS BHD	230,489	223,496	0.72%
5,800	CHIN WELL HOLDINGS BHD	9,618	9,396	0.03%
62,700	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES	233,696	272,118	0.88%
27,600	LOTTE CHEMICAL TITAN HOLDING BHD	172,328	127,512	0.41%
140,600	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	1,120,359	1,306,174	4.23%
32,900	PETRONAS GAS BHD	631,454	631,680	2.04%
91,600	TOP GLOVE CORP BHD	380,872	512,960	1.66%
63,350	VS INDUSTRY BHD	117,666	46,246	0.15%
HARTANAH				
9,300	CRESCENDO CORP BHD	21,700	11,160	0.04%
48,562	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	79,709	91,297	0.30%
87,700	MCT BHD	102,440	65,337	0.21%
170,749	SIME DARBY PROPERTY BHD	220,472	169,895	0.55%
21,700	SP SETIA BHD GROUP	51,932	50,561	0.16%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
20,000	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	24,627	15,000	0.05%
35,600	GENTING PLANTATIONS BHD	395,170	351,016	1.14%
96,900	IOI CORP BHD	448,350	431,205	1.40%
21,100	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	513,742	521,592	1.69%
7,500	QL RESOURCES BHD	47,309	51,075	0.17%
170,949	SIME DARBY PLANTATION BHD	884,349	813,717	2.63%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
239,825	AXIATA GROUP BHD	1,136,330	942,511	3.05%
55,200	BERMAZ AUTO BHD	118,389	118,680	0.38%
126,400	CJ CENTURY LOGISTICS HOLDINGS BHD	128,877	49,296	0.16%
230,116	DIALOG GROUP BHD	566,533	715,661	2.32%
12,600	PETRONAS DAGANGAN BHD	347,669	333,900	1.08%
138,000	MALAKOFF CORP BHD	172,303	110,400	0.36%
105,400	MAXIS BHD	606,824	563,890	1.83%
27,300	MBM RESOURCES BHD	74,975	60,060	0.19%
41,700	MISC BHD	307,389	279,390	0.90%
192,199	MMC CORP BHD	409,542	159,525	0.52%
170,600	DIGI.COM BHD	783,986	767,700	2.48%
29,900	POS MALAYSIA BHD	120,583	51,428	0.17%
301,700	KPJ HEALTHCARE BHD	308,306	313,768	1.02%
80,400	IHH HEALTHCARE BHD	441,286	433,356	1.40%
14,200	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	44,491	53,676	0.17%
145,949	SIME DARBY BHD	360,430	350,278	1.13%
186,974	SUNWAY BHD	278,816	274,852	0.89%
95,666	TALIWORKS CORP BHD	84,882	75,576	0.24%
64,337	TELEKOM MALAYSIA BHD	369,474	171,136	0.55%
148,100	TENAGA NASIONAL BHD	2,095,200	2,014,159	6.52%
66,900	UEM EDGENTA BHD	189,484	181,968	0.59%
55,800	WESTPORTS HOLDINGS BHD	201,892	201,996	0.65%
TEKNOLOGI				
11,100	KESM INDUSTRIES BHD	121,267	85,137	0.28%
5,100	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	69,209	50,745	0.16%
129,200	INARI AMERTRON BHD	290,688	193,800	0.63%
22,500	VITROX CORP BHD	63,918	141,525	0.46%
4,979,216		18,681,703	16,825,067	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT***

Kuantiti	Nama Kaunter	Rating	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
200,000	MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BHD	AA2	209,020	209,192	0.68%
200,000			209,020	209,192	

WARAN, HAK LANGGANAN BOLEH DIPINDAH MILIK

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
6,366	GAMUDA BHD	1,592	955	0.00%
26,000	CCK CONSOLIDATED HOLDINGS BHD	-	2,210	0.01%
4,062	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	548	0.00%
9,459	SUNWAY BHD	-	2,270	0.01%
45,887		1,592	5,983	

* Malaysia Airports Holdings Bhd ("MAHB") dan UMW Holdings Bhd yang dikelaskan di bawah ekuiti diluluskan Syariah tidak tercatat merujuk kepada Sukuk Subordinat Kekal MAHB dan UMW bagi Dana A-Dana Income dan Dana A-Dana Balanced.

KENYATAAN PIHAK PENGURUS

Kami, Dato' Mohammed Najeeb Bin Abdullah dan Anusha A/P Thavarajah, dua orang Pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 33 hingga 40 telah disediakan menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi pihak Pengurus

DATO' MOHAMMED NAJEEB BIN ABDULLAH
Pengarah

ANUSHA A/P THAVARAJAH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
19 Mac 2019

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG SIJIL AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.:

A-DANA INCOME

A-DANA EQUITY

A-DALI EQUITY

A-DANA BALANCED

(SELEPAS INI DIRUJUK SECARA BERSAMA SEBAGAI "DANA")

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN MAKLUMAT KEWANGAN

Pendapat

